

SPRM teliti ratusan dokumen termasuk berkait harta bekas PM

Semua dokumen perlu verifikasi Ismail Sabri melalui keterangan diambil pegawai penyiasat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kes rasuah dan pengubahan wang "haram yang dikaitkan dengan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membabitkan penelitian ratusan dokumen termasuk berkaitan harta bekas perdana menteri itu.

BH difahamkan, antara dokumen berkenaan termasuk yang ada kaitan dengan aset yang diisytiharkan oleh Ahli Parlimen Bera itu pada 10 Februari lalu.

Malah, dokumen berkaitan pelaksanaan perolehan serta kelulusan tertentu juga dipercayai sedang disemak oleh pegawai penyiasat SPRM ketika ini.

Sumber berkata semua dokumen berkenaan memerlukan verifikasi Ismail Sabri melalui keterangannya yang sedang diambil oleh pegawai penyiasat.

Katanya penemuan wang tunai dalam jumlah yang terlalu besar itu menyebabkan SPRM mengambil masa memeriksa do-

kumen berkenaan.

"Ia menjadi antara faktor Ismail Sabri dipanggil memberi keterangan selama beberapa hari kerana pegawai SPRM perlu memeriksa ratusan dokumen dalam siasatan berkenaan.

"Antaranya berkaitan pengisytiharan harta yang diberikan oleh Ismail Sabri kepada SPRM baru-baru ini.

"Mengenai rampasan aset itu pula, SPRM memerlukan tindakan untuk men-

justifikasikan sejumlah wang dan barangan berharga yang ditemui," katanya kepada *BH* semalam.

Enggan mengulas lanjut

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan



Azam Baki

Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan siasatan giat dijalankan termasuk keperluan penelitian semua dokumen terbabit tetapi enggan mengulas lanjut.

Semalam, Ismail Sabri hadir ke ibu pejabat SPRM bagi menyambung keterangan berkaitan siasatan rasuah dan pengubahan wang haram ketika pentadbirannya sebelum ini.

Sesi rakaman keterangan semalam adalah lanjutan daripada sesi kelmarin membabitkan sekurang-kurangnya lima jam.

Dalam sidang media SPRM minggu lalu, pihak berkuasa itu mendedahkan penemuan wang tunai dalam pelbagai mata wang serta jongkong emas yang secara keseluruhannya berjumlah RM177 juta.

Pendedahan itu dibuat menerusi siri serbuan membabitkan tiga premis, termasuk sebuah 'safe house' di sekitar ibu negara

yang dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan berkenaan.

Semua hasil rampasan itu juga dikaitkan dengan perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti program sewaktu Ismail Sabri mentadbir kerajaan.

Azam sebelum ini menyatakan bahawa Ismail Sabri dikategorikan sebagai suspek kes terbabit selepas beberapa saksi, termasuk beliau sendiri, dipanggil memberi keterangan.

Sesi rakaman keterangan tergendala beberapa kali apabila Ismail Sabri dimasukkan ke hospital.

Siasatan terhadap Ismail Sabri dibuat mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.